

NO. SOALAN : 124

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan kes penipuan jemaah umrah sepanjang tahun 2013 dan apakah cadangan untuk mengelakkan masalah sindiket penipuan jemaah umrah yang berleluasa kebelakangan ini

JAWAPAN :DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2013, terdapat dua (2) kes penipuan pakej umrah yang melibatkan sebuah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan berlesen dan sebuah syarikat pengendalian pelancongan tidak berlesen telah disiasat oleh Kementerian ini.

Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil tindakan pembatalan lesen ke atas syarikat yang berlesen manakala bagi syarikat tidak berlesen, Kementerian telah menjalankan tindakan pendakwaan kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

Bagi memastikan syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti penipuan menerima hukuman yang lebih berat, Kementerian telah merujukkan kes penipuan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk dikenakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan.

Tambahan kepada itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga mengambil langkah-langkah berikut:

- i) Meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya ke atas syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembalaan berlesen dan juga syarikat atau individu yang mengendalikan pakej umrah tanpa lesen;

- ii) Membuat semakan semula ke atas kadar denda mahkamah yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya;
- iii) Melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah secara berterusan kepada golongan sasaran terutama wakil Jawatankuasa Masjid/Surau, pemimpin masyarakat dan orang ramai supaya mengetahui ciri-ciri dan modus operandi syarikat umrah palsu serta kepenggunaan dari segi pemilihan pakej umrah yang sah oleh syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen dengan Kementerian;
- iv) Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu menyampaikan maklumat dan kesedaran awam mengenai penipuan pakej umrah melalui khutbah Jumaat; dan
- v) Kementerian juga akan memperluaskan hebahan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penipuan pakej pelancongan khususnya melalui media elektronik dan media sosial.

Sekian, terima kasih.